

07/02/2004

Wartawan turut terbunuh ketika siasat kes BMF

WALAUPUN kerajaan melalui kepimpinan Perdana Menteri ketika itu, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad (kini Tun), mengarahkan lima ahli lembaga pengarah BBMB meletak jawatan akibat skandal yang memalukan itu, misteri pembunuhan Jalil masih belum terjawab kerana yang pasti bukan suspek utama, Mak Foon Tham, saja yang terbabit.

Sepanjang siasatan dan perbincangan kes itu, pelbagai spekulasi dan teori yang ada kalanya 'luar biasa' timbul. Ada yang mengaitkan skandal itu dengan beberapa orang kenamaan termasuk ahli politik di Malaysia.

Selain itu, cara siasatan kes juga menimbulkan kemarahan Malaysia, kerana pihak berkuasa Hong Kong dikatakan tidak menyiasat pembunuhan Jalil Ibrahim, tetapi lebih kepada BMF. Sedangkan hala tuju utama ialah kematian rakyat Malaysia itu.

Berikutan itu, Malaysia menegur cara pihak berkuasa Hong Kong menyiasat kes itu kerana disifatkan 'ia mempunyai niat serong'.

Dr Mahathir mendedahkan, beliau mendapat maklumat bahawa dokumen penting BMF diserahkan kepada perusahaan sekuriti dari polis dengan tujuan untuk menutup maklumat yang sebenar.

Pihak berkuasa Hong Kong berbuat demikian sejurus selepas ia mengesyaki bahawa BMF akan menuntut hutang dari Carrian bernilai jutaan ringgit.

Sehubungan itu, Malaysia menghantar surat bantahan menerusi Kementerian Luar kepada pihak berkuasa Hong Kong yang menyatakan perkara itu adalah suatu yang luar biasa.

Malangnya, pihak Hong Kong menjawab mereka boleh berbuat apa-apa yang mereka suka.

Polis Hong Kong dikatakan diarahkan mengambil dokumen BMF dan kemudiannya diserahkan kepada perusahaan sekuriti negara jajahan British itu.

Kira-kira tiga bulan sebelum itu, dua kes kematian dilaporkan, dipercayai mempunyai kaitan dengan Skandal BMF iaitu, membabitkan seorang wartawan The Star berpangkalan di Hong Kong yang dikatakan datang ke sini untuk menyiasat kes dan seorang pegawai sebuah syarikat di sana.

Kematian wartawan R V R Rao itu dikatakan berpunca daripada keghairahannya menyiasat bagaimana ketiga-tiga syarikat itu mendapat pinjaman yang begitu besar daripada BMF.

Mayat Rao ditemui dalam longkang di Jalan Kuari, Cheras, beberapa jam selepas tiba di sini pada April 1983. Pembunuh Rao dikatakan menggunakan modus operandi yang sama dengan kematian Jalil.

Polis Hong Kong dilaporkan berkata, mereka percaya wartawan itu datang ke sini untuk menyiasat perihal pinjaman BMF menyebabkan dia dibunuh kerana tidak mahu dibiarkan mencari maklumat lain.

Sementara itu, jurucakap Bahagian Jenayah Berat (D9) Bukit Aman ketika dihubungi berkata, pihaknya bekerjasama dengan polis Hong Kong bagi menyiasat kedua-dua kes bunuh itu.

Bagaimanapun, katanya ketiadaan bukti kukuh menyebabkan siasatan kes itu menghadapi masalah.

Jurucakap Bahagian Perhubungan Awam Polis Hong Kong, Superintendan Hsin Leo Kim, ketika dihubungi Fail Aktif pula berkata, kes bunuh itu mendapat perhatian di negara berkenaan ketika itu dan menyifatkan siasatan agak sukar kerana komplot pembunuhan Jalil dirancang dengan licik.

"Walaupun sudah lebih 20 tahun berlalu, kita masih belum dapat merungkai misteri pembunuhan itu. Kita percaya perancang utamanya masih bebas dan

kita terus berhubung dengan Kuala Lumpur jika ada maklumat baru," katanya yang enggan mengulas sama ada kes itu ada kaitan orang politik.

Hakikatnya, sehingga sekarang siapa dalang skandal dan pembunuhan Jalil masih belum diselesaikan. Perancang pembunuhan secara terancang yakni masih bebas walaupun lebih 20 tahun itu kes berlalu.